

DERAF UCAPAN

YANG BERUSAHA, ENCIK AZAHARI ZAINAL ABIDIN

KETUA PEGAWAI OPERASI

KARNIVAL SAYA SAYANG BUMI

TAMAN GELORA, KUANTAN, PAHANG

SABTU, 14 OKTOBER 2023

SALUTASI

YANG HORMAT DATO' RAZIHAN ADZHARUDDIN, DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA KUANTAN

YANG BERUSAHA ENCIK SHARUDIN BIN HAMID, PENGARAH SWCORP PAHANG

RAKAN-RAKAN MEDIA DAN WARGA KERJA ALAM FLORA

ASSALAMUALAIKUM WRH WBT DAN SELAMAT PAGI KEPADA HADIRIN SEKALIAN.

KANDUNGAN:

1. TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN MENYAMPAIKAN SALAM TAKZIM YBHG. DATO' MOHD ZAIN HASSAN, KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF ALAM FLORA, BELIAU MEMOHON MAAF KERANA TIDAK DAPAT BERSAMA-SAMA PADA HARI INI DAN BELIAU TURUT MENDOAKAN AGAR MAJLIS PADA HARI INI BERJALAN DENGAN LANCAR DAN BAIK.

HADIRIN SEKALIAN,

2. SAYA INGIN MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA YANG TELAH HADIR DI KARNIVAL SAYA SAYANG BUMI INI. KARNIVAL ANJURAN ALAM FLORA DIADAKAN BUAT JULUNG KALINYA INI, MERUPAKAN SALAH SATU PROGRAM ALAM FLORA YANG AMAT PENTING KERANA IA MEMBAWA MESEJ KE ARAH MELESTARIKAN ALAM SEKITAR DAN MENGAJAK KITA SEMUA BERSAMA-SAMA UNTUK LEBIH MENGHARGAI PLANET BUMI KITA YANG INDAH INI.
3. HARI INI, BUMI KITA MENGHADAPI CABARAN BESAR AKIBAT DARIPADA AKTIVITI MANUSIA ITU SENDIRI. PERUBAHAN IKLIM, PENCEMARAN ALAM DAN PENGGUNAAN SUMBER-SUMBER SEMAKIN MENINGKAT DAN MENJADI ANCAMAN SERIUS KEPADA KELESTARIAN BUMI KITA. OLEH ITU, KARNIVAL

SAYA SAYANG BUMI INI ADALAH PELUANG UNTUK MENGINGATKAN KITA SEMUA TENTANG TANGGUNGJAWAB KITA TERHADAP ALAM SEKITAR.

4. SAYA INGIN MENGAJAK KITA SEMUA BEKERJASAMA UNTUK BERTINDAK DAN DENGAN TINDAKAN KECIL YANG KITA AMBIL INI, DAPAT MEMBERI IMPAK YANG BESAR TERHADAP BUMI KITA. ALAM FLORA TELAH MENYEDIAKAN BANYAK AKTIVITI DAN PAMERAN YANG MENARIK PADA KARNIVAL INI UNTUK MEMBANTU ANDA MEMAHAMI BAGAIMANA CARA ANDA BOLEH MENYUMBANG KEPADA KELESTARIAN ALAM. INI TERMASUKLAH PERTANDINGAN 'UPCYCLING' WASTE IS AMAZING DAN 3R BATTLE OF THE BAND, DI MANA KUMPULAN PEMUZIK MENJADIKAN BARANGAN KITAR SEMULA SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA INSTRUMEN MUZIK YANG MENARIK DAN KREATIF.

HADIRIN SEKALIAN,

5. SELAIN ITU, ORANG RAMAI JUGA BOLEH MENGHANTAR BARANGAN BOLEH DI KITAR SEMULA KE PUSAT BELIAN SEMULA ALAM FLORA DI TAMAN GELORA INI. TAHUKAH ANDA SEKIRANYA ANDA ADA MINYAK MASAK TELAH DIGUNAKAN DAN TAK PASTI NAK BUAT APA, JANGAN BUANG KE DALAM LONGKANG. KUMPUL DALAM BOTOL DAN JUAL KEPADA KAMI. KAMI MENYEDIAKAN INSENTIF WANG TUNAI KEPADA ANDA YANG HANTAR KE PUSAT BELIAN SEMULA INI DAN UNTUK MINYAK MASAK TERPAKAI, HARGA BELIAN SEMUA DALAH RM2.80 SEKILOGRAM.
6. PUSAT BELIAN KITAR SEMULA DI TAMAN GELORA INI TELAH MULA BEROPERASI SEJAK DUA TAHUN YANG LALU. PADA TAHUN 2022, ALAM FLORA TELAH MENGUTIP SEBANYAK 22 TAN BARANGAN KITAR SEMULA DAN SEHINGGA OGOS TAHUN 2023 PULA, SEBANYAK 40 TAN TELAH DIKUTIP MENERUSI KEGIATAN JUAL BALIK YANG AKTIF DI TAMAN GELORA DAN DI PUSAT BANDAR SERTA PROGRAM 'THRASH TO CASH' ANJURAN ALAM FLORA DI KAWASAN-KAWASAN PERUMAHAN DI SEKITAR KUANTAN YANG MENDAPAT SAMBUTAN YANG MENGGALAKKAN.
7. DENGAN PENCAPAIAN INI, SAYA INGIN MENGAJAK SEMUA PENDUDUK DI KUANTAN ATAU KAWASAN BERDEKATAN UNTUK TURUT SERTA DALAM USAHA KELESTARIAN ALAM KITA. DATANGLAH KE SINI DAN HANTARKAN BARANG KITAR SEMULA ANDA. MARILAH KITA SAMA-SAMA BERUSAHA UNTUK MENGURANGKAN JUMLAH SAMPAH DI TAPAK PERLUPUSAN SAMPAH DENGAN MENGASINGKAN SISA-SISA KITAR SEMULA DI RUMAH ATAU

PEJABAT. APAKAH BARANG-BARANG YANG BOLEH ANDA HANTAR KE SINI? BOTOL SYAMPU YANG KOSONG, KERTAS SURATKHBAR YANG TELAH DIBACA ATAU MINYAK MASAK TERPAKAI. SETIAP TINDAKAN KECIL INI AKAN MEMBERI SUMBANGAN BESAR KEPADA USAHA KELESTARIAN ALAM SEKITAR.

HADIRIN SEKALIAN,

8. KARNIVAL SAYA SAYANG BUMI INI ADALAH PERMULAAN YANG BAIK UNTUK KITA SEMUA. MARI KITA JADIKAN KOMITMEN HARI INI UNTUK MENJAGA DAN MELINDUNGI ALAM SEKITAR KITA. KITA HANYA MEMILIKI SATU PLANET BUMI, DAN TANGGUNGJAWABNYA ADA PADA KITA SEMUA.
9. SEKALI LAGI, SAYA INGIN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA YANG TELAH HADIR DAN MENYOKONG USAHA KITA UNTUK MELESTARIKAN BUMI KITA. MARI KITA JAGA BUMI KITA KERANA BUMI INI ADALAH TEMPAT KITA SEMUA PULANG.
10. TERIMA KASIH DAN 'ENJOY DAN HEALING' DI KARNIVAL SAYA SAYANG BUMI!
11. WABILLAH TAUFIQ WAL HIDAYAH WASSALAMU'ALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.
12. SEKIAN, TERIMA KASIH.